

---

# SERDANG

## Karnival kerjaya

**U**niversiti Putra Malaysia (UPM) akan mengadakan Karnival Kerjaya di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, mulai 27 hingga 29 Mac ini.

Program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Alumni UPM dianjurkan bagi mendedahkan pelbagai peluang kerjaya kepada pelajar tahun akhir dan alumni UPM yang sedang mencari pekerjaan.

Perasmian program itu akan disempurnakan Pro Canselor UPM, Tan Sri Datuk Dr Nayan Ariffin.

**B.H 7 MAC 2008**

**TAHONG MAIM**